

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK WIRA DR. ALI BIN HANSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERJUMPAAN KETUA SETIAUSAHA
NEGARA BERSAMA PENJAWAT AWAM
NEGERI MELAKA DAN
ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM 2011**

31 OKTOBER 2012 (RABU)

3.00 PETANG

BERTEMPAT DI

**PUSAT DAGANGAN ANTARABANGSA
MELAKA (MITC)**

Bismillahir rahmanir rahim.

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Salam 1Malaysia: “Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Kaseh
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka**

**Yang Berbahagia Datuk Mohamad Zabidi bin
Zainal**

**Ketua Pengarah MAMPU, Jabatan Perdana
Menteri**

**Yang Berbahagia Datuk Othman Bin Haji
Mahmood**

**Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri**

**Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha
Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan
Persekutuan**

**Yang saya hormati, Pegawai-pegawai Kanan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-
ketua Jabatan Agensi di bawah Kerajaan
Negeri Melaka**

**Yang Berbahagia Tan Sri – Tan Sri, Datuk Seri
– Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan
Puan-puan yang saya hormati sekalian.**

**Saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur
Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan
izinNya jua, Majlis Perjumpaan Ketua
Setiausaha Negara bersama Penjawat Awam
Negeri Melaka dan Majlis Anugerah Inovasi**

Sektor Awam (AISA) Tahun 2011 pada hari yang penuh bersejarah ini dapat sama-sama kita raikan.

2. Majlis pada hari ini sangat istimewa kerana buat pertama kalinya penganugerahan AISA diadakan secara serentak dengan perjumpaan saya bersama penjawat Negeri Melaka. Kedua-dua acara ini mencerminkan iltizam yang tinggi Kerajaan dalam usaha meneruskan momentum transformasi menerusi pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”. Malah, penganjuran bersama majlis kita hari ini turut menepati falsafah strategi lautan biru atau *blue ocean strategy* yang menganjurkan pendekatan berbeza dalam pelaksanaan

sesuatu tugas selain menyokong prinsip nilai untuk wang atau *value for money*.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Wira Omar Kaseh, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan Yang Berbahagia Datuk Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah MAMPU yang telah membentuk sebuah gandingan strategik dan mantap dalam menjayakan agenda transformasi dan inovasi yang begitu signifikan kepada Perkhidmatan Awam Malaysia.

DARI ROBOHAN KOTA MELAKA, KITA BINA BANGSA BERJAYA

Hadirin yang saya hormati,

4. Satu ketika dahulu, saya pernah mendengar dua rangkap puisi yang begitu patriotik diungkapkan oleh seorang tokoh nasionalis Melayu, Dr. Burhanuddin Al-Helmy yang berbunyi:

**Di atas Runtuhan Kota Melaka,
Kita Bangunkan Jiwa Merdeka;**

Hakikat yang cuba disampaikan oleh beliau adalah betapa Kota Melaka yang suatu ketika dahulu merupakan kota maritim yang terpenting di rantau ini dan terkenal di seluruh dunia telah melalui satu evolusi sejarah yang cukup panjang. Ia muncul sebagai antara kuasa perdagangan terbesar

global yang menjadi persinggahan utama pedagang daripada serata dunia seawal abad ke-15. Tom Pires, seorang diplomat dan ahli sejarah Portugal di abad tersebut mengungkap keagungan empayar Melaka seperti berikut – *“Whoever is Lord of Malacca, has his hand on the throat of Venice”*. Ternyata, Melaka sudah pun melalui era globalisasinya yang tersendiri dalam sejarah perdagangan dunia.

5. Sejarah akhirnya telah merakamkan saat-saat tragis runtuhnya era kegemilangan empayar Melaka yang telah dibina puluhan dekad akibat dijajah bangsa asing yang kuat ketika itu iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris. Era kegemilangan Kerajaan Melayu

yang bermula pada abad ke-15 mengalami zaman suram hampir 4 abad lamanya.

6. Abad ke-21 tampil dengan landskap baharu dunia yang ditandai oleh jaringan perhubungan tanpa sempadan. Globalisasi menyaksikan keghairahan negara ekonomi utama di dunia berlumba-lumba mendaki puncak penarafan global. Mendepani cabaran tersebut, negeri Melaka melalui kekuatan ekonomi, politik dan sosialnya telah mengorak langkah untuk muncul sebagai sebuah negeri yang pesat dengan perdagangan serta agenda pelancongan yang bertaraf dunia. Lebih membanggakan, semangat dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh kepimpinan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka ini telah melayakkan

Melaka mendapat perakuan daripada *Organization for Economic Co-operation and Development* atau OECD sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2010 yang lalu.

7. Kebangkitan Melaka sebagai sebuah negeri maju juga terserlah apabila negeri ini benar-benar memartabatkan inovasi dan kreativiti di dalam pelaksanaan dasarnya. Negeri Melaka muncul sebagai negeri yang pertama menyahut seruan Kerajaan dalam melaksanakan *Urban Transformation Centre* atau UTC dan *One Number Call Centre* atau ONCC. Berkonsepkan “Perkhidmatan Awam dalam sebuah bangunan”, UTC bukan merupakan sahaja merupakan pendekatan *breakthrough* yang inovatif, tetapi turut memberi kemudahan kepada penduduk

bandar raya Melaka yang meliputi 87% daripada keseluruhan penduduk negeri ini.

8. Mendepani cabaran persekitaran yang semakin bergelora, saya melihat para penjawat awam negeri Melaka juga mempunyai “X” *factor* yang menjadi elemen luar biasa kepada kejayaan Pentadbiran Negeri Melaka ini. “X” *factor* ini saya rangkumkan kepada Elemen “3K” iaitu Kepimpinan yang berwawasan – Kerjasama yang padu – dan Komitmen yang tinggi.

9. Saya percaya ketiga-tiga elemen ini juga telah menjadi resipi kejayaan untuk Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka mengungguli kedudukan teratas penarafan bintang yang dikeluarkan oleh MAMPU baru-

baru ini. Dengan pengiktirafan sebagai pentadbiran negeri bertaraf lima bintang ini, saya percaya Kerajaan Negeri Melaka yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka dan Yang Berhormat Datuk Wira Omar Kaseh, Setiausaha Kerajaan Negeri akan membawa kejayaan yang lebih bermakna ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri ini.

**PANTAS MEMACU TRANSFORMASI,
KEJAYAAN MEGAH BERDIRI**

Para hadirin yang saya hormati,

10. Bank Dunia di dalam Laporan terbaharu “Doing Bussiness 2012 – 2013” telah

mengiktiraf Negara kita di kedudukan ke-12 dalam penarafan daya saing bagi menjalankan aktiviti perniagaan dalam kalangan 185 negara ekonomi dunia. Kriteria yang dinilai dalam penarafan ini termasuklah kemudahan memulakan perniagaan, kelulusan mendapatkan lesen, kecekapan pentadbiran cukai dan kemudahan menjalankan perdagangan rentas sempadan. Pencapaian ini menyaksikan Malaysia melakukan lonjakan besar dari kedudukannya di tangga ke-18 dalam penarafan sebelum ini. Kejayaan ini sekaligus meletakkan Malaysia mengatasi negara-negara maju yang lain seperti Sweden (ke-13), Taiwan (ke-16), Jerman (ke-20), Jepun (ke-24) dan Switzerland (ke-28).

Hadirin yang saya raikan,

11. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan bahawa pengukuran tahap kejayaan model pembangunan Negara mutakhir ini adalah melalui dua indikator utama iaitu peningkatan pendapatan perkapita dan pengukuran tahap kesejahteraan rakyat ataupun *“Happiness index of the people”*. Peningkatan pendapatan perkapita merupakan pengukuran klasik yang biasa digunakan di mana-mana Negara, manakala *happiness index of the people* merupakan pengukuran yang boleh diadaptasikan dalam proses penambahbaikan model pembangunan negara.

12. Selaras dengan itu, Perkhidmatan Awam perlu menyangkut cabaran dalam mengetengahkan model pembangunan yang lebih bitara dan unik, dengan turut mengambil kira tahap kesejahteraan rakyat atau *“World Happiness Index”*.

13. Justeru, inilah cabaran besar yang kita semua harus hadapi dengan berani khususnya dalam membudayakan dan mengaplikasikan inovasi di dalam pelaksanaan agenda transformasi Perkhidmatan Awam di negara kita.

AISA 2011: SEBUAH PENGIKTIRAFAN BERPRESTIJ SEKTOR AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Pada 28 Ogos 2012 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyempurnakan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) yang menyaksikan kecemerlangan Institut Jantung Negara dinobatkan sebagai penerima AIPM yang ketiga. Majlis yang diadakan di IJN itu telah mendapat sokongan yang padu bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam, malah turut diraikan oleh seluruh rakyat Malaysia. Majlis berkenaan telah memberi pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif inovasi yang dipelopori oleh IJN sehingga berjaya meletakkan tanda aras baharu kecemerlangan perubatan bukan sahaja di peringkat nasional, malahan di peringkat antarabangsa.

15. Anugerah Inovasi Sektor Awam atau AISA yang diadakan pada hari ini merupakan kesinambungan kepada tradisi kecemerlangan tersebut. AISA merupakan sebahagian daripada keseluruhan mekanisme pengiktirafan ke atas pencapaian cemerlang Perkhidmatan Awam dalam memartabatkan inovasi menerusi bidang-bidang yang signifikan kepada peningkatan sistem penyampaian. Sesungguhnya, Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2011 yang kita turut raikan bersama pada hari ini adalah merupakan cerminan kepada hasrat kepimpinan tertinggi negara untuk terus menyubur dan menyemarakkan lagi inovasi dalam kalangan penjawat awam.

16. Keempat-empat jenis anugerah yang dipertandingkan iaitu Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT), Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK), Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) dan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) pula membuktikan bahawa kita ingin melihat inovasi tidak hanya tertumpu kepada satu skop utama sahaja malah turut diterokai dalam bidang-bidang utama sistem penyampaian kerajaan.

17. Ganjaran wang tunai tiga ratus ribu ringgit (RM300,000.00) yang diberikan pula seharusnya menjadi pembakar semangat para penerima dan agensi-agensi yang lain untuk terus berlumba-lumba mencipta idea

kreatif dan hasil inovasi baharu yang akan memberikan manfaat yang bermakna kepada rakyat selaras dengan konsep Cepat-Tepat-Integriti dan budaya Produktiviti – Kreativiti – dan Inovasi yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

PENUTUP

18. Sebagai akhirnya, di atas semangat kepahlawanan Hang Tuah dan keperwiraan Hang Jebat, saya percaya bahawa seluruh penjawat awam Negeri Melaka di bawah teraju kepimpinan kini akan meneruskan kecemerlangan bekerja sebagai satu pasukan dengan penuh komitmen untuk menyokong pentadbiran Kerajaan Negeri dan

Kerajaan Pusat untuk menjayakan agenda transformasi yang telah kita mulakan.

19. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka di atas kerjasama yang membanggakan ditunjukkan dalam penganjuran Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara bersama Penjawat Awam Negeri Melaka dan Anugerah Inovasi Sektor Awam kali ini. Tahniah dan syabas jua kepada para penerima yang bakal mengungguli anugerah yang berprestij ini. Teruskan semangat inovatif dalam kalangan warga sektor awam di negeri Melaka dan pastikan ia terus menyala dan bersemarak

dalam Perkhidmatan Awam Negara yang kita sayangi ini.

20. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan kedua-dua acara yang bersejarah ini iaitu Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara bersama Penjawat Awam Negeri Melaka dan Anugerah Inovasi Sektor Awam pada hari penuh berbahagia ini.

**Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**